

JENAYAH SARIQAH DALAM PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH, 2013: PEMAKAIAN PENDAPAT SELAIN MAZHAB AL-SHAFI'E

SARIQAH OFFENCE IN SYARIAH PENAL CODE ORDER, 2013: ADOPTION OF OPINIONS OTHER THAN SHAFI'E SECT

Haji Dennie Haji Abdullah

Accepted date: 25 November 2018

Published date: 14 April 2019

To cite this document: Abdullah, D. (2019). Jenayah Sariqah Dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013: Pemakaian Pendapat Selain Mazhab Al-Shafi'e. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(19), 38-62.

Abstrak: Kertas kerja ini melihat peruntukan-peruntukan jenayah sariqah (curi) dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 yang memakai pendapat selain mazhab al-Shafi'e dengan menjelaskan dan membutirkan pendapat-pendapat mazhab yang empat (Hanafi, Maliki, Shafi'e dan Hanbali) daripada sumbernya yang asal sebagai perbandingan dan menentukan pendapat mazhab manakah yang diguna pakai oleh Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013. Jenayah sariqah dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 mengandungi sembilan bab dan dikenal pasti bahawa terdapat enam peruntukan di dalamnya yang mengguna pakai pendapat selain mazhab Shafi'e. Tiga daripadanya adalah berdasarkan pendapat mazhab Hanafi, satu daripadanya berdasarkan pendapat mazhab Maliki dan dua selebihnya tidak berdasarkan kepada mana-mana pendapat dalam mazhab yang empat.

Kata Kunci: Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, Hudud, Sariqah, Kesalahan Curi.

Abstract: This paper outlines the provisions for sariqah (theft) offences in the Syariah Penal Code Order, 2013 that adopt the opinions of other than the Shafi'e sect by explaining and expounding opinions from the four major sects (Hanafi, Maliki, Shafi'e and Hanbali) derived from their primary sources, as a comparison to determine which opinion from the four sects is adopted by the Syariah Penal Code Order, 2013. There are nine sections under the sariqah offences in the Syariah Penal Code Order, 2013 and six provisions have been identified as adopting other than the Shafi'e opinions. Three of these provisions are based on the Hanafi opinions, one on the Maliki opinion while the last two are not based on the opinions of any of the four sects.

Keywords: Syariah Penal Code Order, 2013, Hudud (Prescribed Punishment), Sariqah, Theft Offence

Pendahuluan

Mazhab Shafi'e merupakan mazhab fikah yang menjadi pegangan rasmi dan yang diterima pakai menjadi amalan beragama di Negara Brunei Darussalam. Perkara ini jelas dinyatakan di dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa:

“Ugama Islam” bermakna Ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah mengikut Mazhab Shafi'ee.” (*Dokumen-Dokumen Perlembagaan Negara Brunei Darussalam* 2004 (Bn), hlm. 40).

Mazhab Shafi'e juga merupakan sandaran utama dalam membuat serta memberi mana-mana fatwa di Negara Brunei Darussalam. Perkara ini dinyatakan dengan jelas di dalam bab 43 (1) *Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi* 1984 (Bn):

“Dalam membuat dan memberi mana-mana fatwa dengan cara yang ditetapkan terdahulu sebelum ini, Majlis dan Jawatankuasa Undang-Undang hendaklah biasanya menurut kaul yang muktamad daripada Mazhab Shafi'e”.

Berdasarkan kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa mazhab Shafi'e menjadi dominan dan rujukan utama dalam amalan beragama dan pengambilan hukum syarak di Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun timbul persoalan adakah pendapat selain mazhab Shafi'e tidak diterima pakai sama sekali dalam amalan beragama dan pengambilan hukum syarak di Negara Brunei Darussalam? Dari perspektif dalam pembuatan dan pemberian fatwa berdasarkan Akta Majlis Ugama Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Akta tersebut ada memperuntukkan bahawa fatwa boleh dibuat dan diberikan menurut pendapat daripada mana-mana tiga mazhab selain mazhab Shafi'e, jika dalam mengikut pendapat yang muktamad dan pendapat yang *da'if* daripada mazhab Shafi'e bertentangan dengan kepentingan awam.

Bab 43 (1) *Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi* 1984 (Bn) memperuntukkan:

“Dengan syarat bahawa, jika difikirkan bahawa dalam mengikut kaul yang muktamad sedemikian akan bertentangan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jawatankuasa Undang-Undang boleh, kecuali jikalau Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengarah sebaliknya, mengikut kau yang daif daripada Mazhab Shafie:

Dengan syarat selajutnya bahawa, jika difikirkan bahawa dalam mengikut sama ada kaul yang muktamad atau kaul yang daif daripada Mazhab Shafie akan bertentangan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jawatankuasa Undang-Undang boleh, dengan perkenan khas daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, mengikut kaul daripada mana-mana 3 lagi mazhab sebagaimana yang dianggap bersesuaian, tetapi dalam mana-mana fatwa demikian, syarat-syarat dan prinsip-prinsip yang patut diikuti hendaklah dibentangkan dengan keterangan yang penuh dan bersama dengan sebarang penjelasan yang perlu.”

Oleh yang demikian, dalam konteks undang-undang yang diperuntukkan di dalam *Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (Bn) (PKHJS)*, adakah pendapat selain mazhab Shafi'e seperti mazhab Hanafi, mazhab Maliki dan mazhab Hanbali diterima pakai dalam PKHJS di dalam peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan jenayah *sariqah*? Pendapat mazhab manakah yang diterima pakai dalam peruntukan-peruntukan tersebut dan bagaimanakah pandangan atau pendapat mazhab yang lain mengenainya?

Jenayah *Sariqah* Dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013

Jenayah *sariqah* merupakan salah satu daripada enam jenayah hudud (*sariqah*, *hirabah* (rampakan), *zina*, *qadhif* (menuduh berzina), meminum minuman yang memabukkan dan *irtidad* (murtad) yang diperuntukkan dalam PKHJS.

Dalam PKHJS, kesalahan *sariqah* mempunyai sembilan bab yang bermula dari bab 53 hingga ke bab 61 iaitu seperti berikut:

Bab 53: *Sariqah* dan *hirz*.

Bab 54: Kadar *nisab* bagi *sariqah*.

Bab 55: Hukuman *sariqah*.

Bab 56: Bila hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan.

Bab 57: Harta dalam *hirz* yang berlainan.

Bab 58: Hukuman kerana melakukan *qatl* atau mencederakan seseorang semasa melakukan *sariqah*.

Bab 59: Percubaan melakukan *sariqah*.

Bab 60: Subahat melakukan *sariqah*.

Bab 61: Pengembalian harta *sariqah*.

Peruntukan dalam PKHJS mengenai *sariqah* yang memakai selain pendapat mazhab Shafi'e adalah seperti berikut:

Kadar *Nisab* bagi *Sariqah*

Bab 54 PKHJS memperuntukkan:

“Kadar *nisab* bagi *sariqah* yang dikenakan hukuman *hadd* ialah 1 dinar. *Huraian* – Kadar *nisab* bagi *sariqah* yang dikenakan hukuman *hadd* adalah 1 dinar (4.25 gram emas) atau nilainya dalam mata wang tempatan pada masa kesalahan *sariqah* dilakukan.”

Salah satu elemen yang penting bagi memenuhi syarat untuk mengenakan hukuman *hadd* potong tangan dalam jenayah curi ialah *nisab*. *Nisab* dalam jenayah curi bermaksud kadar atau nilai tertentu yang dipersyaratkan pada harta yang dicuri untuk mengenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atas pencuri.

Semua mazhab yang empat iaitu mazhab Hanafi, mazhab Maliki, mazhab Shafi'e dan mazhab Hanbali sepakat mempersyaratkan *nisab* pada harta yang dicuri untuk mengenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atas pencuri. Cuma mereka berbeza pendapat tentang kadar *nisab* itu.

Ibn Hajar al-Asqalaniyy *rahimahullah* telah menghimpunkan kira-kira dua puluh pendapat tentang kadar *nisab* itu. (al-Asqalaniyy, 1421H/2001, jzk. 12, hlm. 109). Walau bagaimanapun Ibn Rushd *rahimahullah* mengatakan bahawa pendapat yang masyhur yang bersandarkan kepada hujah dan dalil-dalil yang sabit terbahagi kepada dua iaitu pendapat mazhab Hanafi dan

pendapat majoriti ulama yang terdiri daripada mazhab Maliki, Shafi'e dan Hanbali. (Ibn Rushd, 1415H, jzk. 4, hlm. 401).

Mazhab Hanafi berpendapat bahawa *nisab* harta yang dicuri yang dikenakan hukuman *hadd* potong tangan ialah sepuluh dirham perak atau satu dinar emas atau kadar nilai sepuluh dirham perak bagi barang-barang selain daripada dirham perak sekalipun dinar emas. Ini bermakna jika kadar nilai satu dinar emas hanya bersamaan sembilan dirham perak, maka tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan kerana ia belum sampai *nisab* iaitu kadar nilai sepuluh dirham perak. (al-Sarakhsiyy, t.th., jzk. 9, hlm. 137; al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 309 & Ibn 'Abidin, 1423H/2003, jzk. 6, hlm. 140).

al-Sarakhsiyy *rahimahullah* berkata di dalam al-Mabsut, yang ertinya: “Kemudian mereka berbeza pendapat dalam (menentukan) kadar *nisab*. Berkata ulama-ulama kami (al-Hanafiyah) *rahimahumullah ta'ala* (kadarnya) sepuluh dirham perak atau satu dinar emas.” (al-Sarakhsiyy, t.th., jzk. 9, hlm. 137)

Manakala majoriti ulama yang terdiri daripada mazhab Maliki, mazhab Shafi'e dan mazhab Hanbali pula mengatakan bahawa *nisab* harta yang dicuri yang boleh dikenakan hukuman *hadd* ialah seperempat dinar emas atau tiga dirham perak. Cuma mereka berselisih pendapat dalam menentukan rujukan nilai harta yang dicuri selain daripada dinar emas dan dirham perak. Mazhab Maliki dan mazhab Hanbali dalam menentukan rujukan nilai harta yang dicuri selain daripada dirham perak hendaklah berdasarkan kepada kadar nilai tiga dirham perak termasuk juga dalam menilai dinar emas dan satu riwayat lain daripada mazhab Hanbali menyebut hendaklah menurut kadar nilai mana yang lebih rendah daripada seperempat dinar emas atau tiga dirham perak. Manakala mazhab Shafi'e dalam menentukan rujukan nilai harta yang dicuri selain dinar emas, hendaklah berdasarkan nilai seperempat dinar emas dan ini termasuk juga dalam menilai dirham perak. (Malik ibn Anas, t.th., jld. 6, hlm. 266; al-Dusuqiyy, t.th., jzk. 4, hlm. 333-334; al-Mawwaq, 1416H/1995, jzk. 8, hlm. 415; al-'Imraniyy, 1421H/2000M, jld. 12, hlm. 436-437; al-Shirbiniyy, 1421H/2000, jzk. 5, hlm. 465; al-Qalyubiyy, 1375H/1956, jzk. 4, hlm. 186; Ibn Qudamah, 1418H/1997M, jzk. 5, hlm. 347-348 & al-Bahutiyy, 1423H/2003, jzk. 8, hlm. 3036 & al-Mardawiyy, 1375H/1956, jzk. 10, hlm. 262).

al-Mawwaq *rahimahullah* menyebut di dalam al-Taj wa al-Iklil, yang ertinya: “Sesungguhnya tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan sesiapa yang mencuri kurang daripada seperempat dinar emas sekalipun ia melebihi daripada (nilai) tiga dirham perak. Dan tidak juga (dikenakan hukuman *hadd* potong tangan) siapa yang mencuri kurang daripada tiga dirham perak menurut sukatan sekalipun ia melebihi daripada seperempat dinar emas. Sesungguhnya dinilai barang (selain dinar emas dan dirham perak) semuanya dengan dirham perak. Maka siapa yang mencuri barang yang nilainya tiga dirham perak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan (ke atasnya) sekalipun ia tidak menyamai (nilai) seperempat dinar emas, (manakala barang yang dicurinya itu) jika ia menyamai seperempat dinar emas (tetapi) tidak menyamai (nilai) tiga dirham perak (maka) tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan (ke atasnya)”. (al-Mawwaq, 1416H/1995, jzk. 8, hlm. 415).

Manakala al-'Imraniyy *rahimahullah* pula menyebut di dalam al-Bayan, yang ertinya “Maka menurut mazhab kami sesungguhnya tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan pada apa yang di bawah seperempat dinar emas dan dikenakan hukuman *hadd* potong tangan pada curian seperempat dinar emas hingga ke atas. Jika (seseorang) mencuri barang-barang selain daripada emas, dinilai (barang-barang itu) dengannya (nilai seperempat dinar emas). Jika nilainya sampai seperempat dinar emas (maka) dikenakan hukuman *hadd* potong tangan (ke atasnya). Jika

(nilainya) kurang dari yang demikian itu maka tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan (ke atasnya).” (al-‘Imraniyy, 1421H/2000, jld. 12, hlm. 436-437).

Ibn Qudamah *rahimahullah* pula menyebutkan di dalam al-Kafi, yang ertinya: “Dan pada kadar *nisab* itu terdapat dua riwayat (mengenainya). Salah satu daripadanya ialah seperempat dinar daripada emas atau tiga dirham daripada perak atau nilai yang demikian itu daripada (barang-barang) selain keduanya (dinar emas dan dirham perak). (Riwayat) kedua pula ialah asal (*nisab*) itu ialah menurut dirham perak secara khusus dan dinilai emas dengannya (nilai dirham perak)”. (al-Bahutiyy, 1423H/2003, jzk. 8, hlm. 3036).

Pada zahirnya punca perbezaan pendapat mereka tentang kadar *nisab* itu adalah disebabkan perselisihan mereka dalam menetapkan harga perisai yang pencurinya telah dijatuhi hukuman *hadd* potong tangan di zaman Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam*. Mazhab Hanafi menentukannya dengan harga sepuluh dirham perak. Mazhab Maliki dan mazhab Hanbali pula menentukannya dengan harga tiga dirham perak. Manakala mazhab Syafie pula menentukannya dengan harga seperempat dinar emas yang bersamaan dengan tiga dirham perak. Mazhab Hanafi berhujah bahawa perselisihan pendapat dalam menentukan harga perisai itu meletakkan bahawa yang wajib ialah tidak mengenakan hukuman *hadd* potong tangan kecuali dengan harga yang diyakini hukuman *hadd* potong tangan boleh dikenakan iaitu sepuluh dirham perak. Ibn Rushd *rahimahullah* mengatakan bahawa hujah mazhab Hanafi itu adalah baik jika tidak ada hadis ‘A’ishah *radiyallahu ‘anha* yang menjadi dalil mazhab Shafi’e dalam mengatakan *nisab* itu adalah seperempat dinar emas. Dengan itu menurut beliau jika pendekatan *al-jam’* (kompromi) dalil adalah lebih utama daripada *al-tarjih*, maka pendapat mazhab Shafi’e adalah pendapat yang lebih utama. (Ibn Rusd, 1415H, jzk. 4, hlm. 403-404). Walau bagaimanapun, peruntukan PKHJS dalam bab 54 tersebut adalah berdasarkan kepada pendapat mazhab Hanafi.

Hukuman *Sariqah* bagi Kesalahan Ketiga dan Berikutnya

PKHJS memperuntukkan hukuman *sariqah* bagi kesalahan ketiga dan berikutnya sebagaimana dalam bab 55 cerai (1) perenggan (c) adalah seperti berikut:

“(c) bagi kesalahan ketiga atau berikutnya, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun.”

Tidak ada *khilaf* (perbezaan pendapat) di kalangan para ulama bahawa hukuman *hadd* potong tangan bagi kesalahan curi pada kali yang pertama ialah dipotong tangan kanan pada sendi pergelangan tangan. Manakala bagi kesalahan curi bagi kali yang kedua setelah pesalah dikenakan hukuman *hadd* potong tangan kanannya, tiada *khilaf* juga dalam mazhab yang empat (mazhab Hanafi, mazhab Maliki, mazhab Shafi’e dan mazhab Hanbali) bahawa hukuman *hadd* yang dikenakan ke atasnya ialah dipotong kaki kiri pada sendi pergelangan buku lali. (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 346; Ibn Rushd, 1415H, jzk. 4, hlm. 411; Ibn Juzay, t.th., hlm. 537-538; Ibn Qudamah, t.th., jzk. 10, hlm. 264-265; al-Shirbiniyy, 1421H/2000, jzk. 5, hlm. 494 & al-Bahutiyy, 1423H/2003, jzk. 9, hlm. 3051).

Manakala hukuman kesalahan curi bagi kali ketiga, keempat dan berikutnya, para ulama mazhab yang empat berbeza pendapat tentang hukumannya seperti berikut:

Menurut mazhab Hanafi dan pendapat yang *rajih* dalam mazhab Hanbali menjelaskan bahawa sesiapa yang telah dijatuhi hukuman *hadd* potong tangan kanan bagi kesalahan curi yang pertama dan juga hukuman *hadd* potong kaki kiri bagi kesalahan curi yang kedua, jika dia

melakukan jenayah curi lagi selepas itu bagi kali ketiga dan berikutnya, maka dia tidak lagi dijatuhi dengan sebarang hukuman *hadd* potong tangan atau hukuman *hadd* potong kaki, tetapi dia dijatuhi dengan hukuman *ta'zir* dan ditahan di dalam tahanan. (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 346; Ibn 'Abidin, 1423H/2003, jzk. 6, hlm. 171; al-Sarakhsiyy, t.th., jzk. 9, hlm. 140; al-Khiraqiyy, 1413H/1993, hlm. 135; al-Bahutiyy, 1423H/2003, jzk. 9, hlm. 3052; al-Rahibaniyy, 1381H/1961, jzk. 6, hlm. 248 & al-Mardawiyy, 1375H/1956, jzk. 10, hlm. 285-286).

al-Kasaniyy *rahimahullah* menyebut di dalam Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i', yang ertinya: “Asal tempat (yang dikenakan hukuman *hadd*) di sisi ulama kami hanya dua anggota iaitu tangan kanan dan kaki kiri. Dipotong tangan kanan pada kesalahan curi yang pertama dan dipotong kaki kiri pada kesalahan curi yang kedua. Dan tidak dikenakan lagi hukuman *hadd* potong (anggota) selepas sedemikian itu menurut hukum asal, akan tetapi pencuri itu hendaklah mengganti rugi terhadap curian dan dia dikenakan hukuman *ta'zir* dan ditahan dalam tahanan sehinggalah dia melakukan taubat, menurut pendapat kami”. (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 344-346).

al-Khiraqiyy *rahimahullah* pula menyebut dalam Matn al-Khiraqiyy, yang ertinya: “Permulaan hukuman *hadd* potong tangan pencuri itu ialah dipotong tangannya sebelah kanan di pertemuan tapak tangan dan dicelur (tangannya ke dalam minyak panas selepas dipotong). Jika dia kembali (mencuri) dipotong kakinya sebelah kiri di pertemuan buku lali dan dicelur (kakinya ke dalam minyak panas selepas dipotong). Jika dia kembali (mencuri) ditahan dia (dalam tahanan) dan tidak dipotong selain tangan (kanan) dan kaki (kiri). (al-Khiraqiyy, 1413H/1993, hlm. 135).

Mereka mengatakan bahawa memotong tangan kiri atau kaki kanan setelah seseorang pencuri itu telah dijatuhi hukuman *hadd* potong tangan kanan dan kaki kirinya akan membawa kepada kebinasaan kepada si pencuri itu sendiri kerana dia akan kehilangan manfaat tangan untuk memegang dan kehilangan manfaat kaki untuk berjalan sama sekali yang akhirnya boleh membawanya kepada kebinasaan. Ini sama sekali adalah berlawanan dengan hikmah persyariatan hukuman *hadd* curi iaitu sebagai penegah dan penggerun kepada pelakunya dan bukannya membinasakan kepada pelakunya. (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 351 & al-Bahutiyy, 1423H/2003, jzk 8, hlm. 3052).

Mazhab Maliki, mazhab Shafi'e dan satu riwayat lain dari mazhab Hanbali pula menjelaskan bahawa sesiapa yang telah dijatuhi hukuman *hadd* potong tangan kanannya bagi kesalahan curi yang pertama dan juga hukuman *hadd* potong kaki kirinya bagi kesalahan curi yang kedua, jika dia melakukan jenayah curi lagi bagi kali yang ketiga, maka dikenakan ke atasnya hukuman *hadd* potong tangan kirinya. Jika dia melakukan jenayah curi lagi bagi kali yang keempat, maka dikenakan ke atasnya lagi hukuman *hadd* potong kaki kanannya. Kemudian jika dia melakukan jenayah curi lagi selepas itu, maka dikenakan ke atasnya hukuman *ta'zir* dan ditahan di dalam tahanan sehinggalah dia bertaubat atau meninggal dunia. (al-Khurashiyy, 1317H, jzk. 8, hlm. 92-93; Ibn Juzayy, t.th., hlm. 537 & al-Dusuqiyy, t.th., jzk. 4, hlm. 332-333; al-Shirbiniyy, 1421H/2000, jzk. 5, hlm. 494-495; Ibn Hajar, t.th., jzk. 9, hlm. 155-156 & al-Mardawiyy, 1375H/1956, jzk. 10, hlm. 286).

Ibn Juzayy *rahimahullah* menyebut di dalam al-Qawanin al-Fiqhiyyah, yang ertinya: “Maka dikenakan hukuman *hadd* potong tangannya yang kanan ke atasnya (pada kesalahan curi yang pertama), kemudian jika dia mencuri lagi pada kali kedua dikenakan ke atasnya hukuman *hadd* potong kakinya yang kiri, kemudian jika dia mencuri lagi pada kali ketiga dikenakan ke atasnya

hukuman *hadd* potong tangannya yang kiri, kemudian jika dia mencuri lagi pada kali keempat dikenakan ke atasnya hukuman *hadd* potong kakinya yang kanan, kemudian jika dia mencuri lagi selepas itu dikenakan ke atasnya hukuman pukul dan ditahan ia di dalam tahanan.” (Ibn Juzayy, t.th., hlm. 537).

Imam al-Nawawiyy *rahimahullah* menyebut di dalam Minhaj al-Talibin wa ‘Umdah al-Muftin, yang ertinya: “Dan dikenakan hukuman *hadd* potong tangan kanannya (bagi kesalahan curi yang pertama), seterusnya jika dia mencuri pada kali kedua selepas dipotong tangan kanannya, maka dikenakan hukuman *hadd* potong kakinya yang kiri, dan (jika dia mencuri lagi) pada kali ketiga (maka dikenakan hukuman *hadd* potong) tangannya yang kiri, dan (jika dia mencuri lagi) pada kali keempat (maka dikenakan hukuman *hadd* potong) kakinya yang kanan, dan selepas itu (jika dia mencuri lagi) dikenakan hukuman *ta‘zir* (ke atasnya). (al-Nawawiyy, 1426H/2005, hlm. 510).

Peruntukan PKHJS dalam bab 55 cerai (1) perenggan (a), (b) dan (c) tersebut adalah jelas berdasarkan pendapat mazhab Hanafi dan pendapat yang *rajih* dalam mazhab Hanbali.

Menurut Dr. Wahbah al-Zuhailiyy *rahimahullah*, pendapat Mazhab Hanafi dan Hanbali sesuai dan boleh dipakai pada zaman ini, lebih-lebih lagi pendapat mazhab Maliki dan mazhab Syafi‘e tersebut tidak disabitkan oleh hadis *sahih*. Dr. ‘Abd al-Karim Zaidan *rahimahullah* pula mengatakan bahawa pendapat mazhab Hanafi dan mazhab Hanbali ini adalah pendapat yang *rajih* berdasarkan hujah-hujah mereka. (al-Zuhailiyy, 1405H/1985, jzk. 6, hlm. 97 & Zaidan, 1413H/1993, jzk. 5, hlm. 241).

Kesalahan *Sariqah* Yang Tidak Boleh Dikenakan Hukuman *Hadd* (Perenggan e)

PKHJS dalam bab 56 perenggan (e) memperuntukkan bahawa hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan dalam keadaan berikut:

“(e) apabila harta yang dicuri adalah sejenis harta yang tidak bernilai dan boleh didapati dengan banyaknya di merata-rata tempat atau pun daripada jenis harta yang mudah musnah; Misalan A mencuri buah di dalam kawasan kebun kepunyaan B dan memakan buah yang dicuri itu di kawasan atau di tempat tersebut. A tidak boleh dikenakan hukuman *hadd*.”

Peruntukan ini adalah berdasarkan pendapat mazhab Hanafi, kerana dalam mazhab Hanafi iaitu pendapat Imam Abu Hanifah dan Muhammad ibn al-Hasan *rahimahumallah* menyatakan bahawa tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan apabila harta yang dicuri adalah jenis harta yang tidak berharga (*tafiḥ*) sama ada kerana ia jenis harta yang boleh didapati dengan banyaknya di merata-rata tempat seperti rumput, kayu, batu, tanah dan seumpamanya, atau kerana ia jenis harta yang cepat rosak yang tidak dapat disimpan lama dari setahun ke setahun seperti makanan basah, sayur-sayuran, buah-buahan segar dan seumpamanya. (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 284-285 & 288-289 & Ibn‘Abidin, 1423H/2003, jzk. 6, hlm. 151-152).

al-Kasaniyy *rahimahullah* berkata di dalam Bada‘i’ al-Sana’i’ fi Tartib al-Shara’i’, yang ertinya: “Dan tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan pada (mencuri) jerami, rumput, buluh dan kayu kerana ia sesuatu yang tidak dianggap harta bernilai oleh manusia dan mereka tidak memperdulikan kerana tidak menjadi kesukaan dan sedikit kepentingannya di sisi mereka. Bahkan mereka mengira adalah terlalu bakhil (orang yang berkira dengannya) dari sudut

kedudukannya yang tiada mempunyai nilai, maka ia adalah *tafiyah* (tidak berharga). Dan tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan (juga) pada (mencuri) tanah debu, tanah liat, tikar hampan jerami, batu, batu kapur, batu jubin, tembikar tanah dan kaca kerana ia tidak berharga”. (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 284).

al-Kasaniyy *rahimahullah* berkata lagi, yang ertinya: “Dan atas (dasar) itu terkeluarlah (dari dikenakan hukuman *hadd* potong tangan) mencuri apa yang tidak tahan untuk disimpan dan tidak kekal ia dari setahun ke setahun bahkan yang cepat rosak. Sesungguhnya tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan padanya kerana apa yang tidak tahan untuk disimpan tidak dikira ia sebagai harta. Maka tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan pada mencuri makanan basah, sayur-sayuran, buah-buahan segar menurut pendapat kedua mereka (Imam Abu Hanifah dan Muhammad ibn al-Hasan *rahimahumallah*)”. (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 288-289).

Mereka mengatakan bahawa sesuatu yang tidak berharga (*tafiyah*) mencatitkan dua elemen penting dalam jenayah curi iaitu mencatitkan cara penjagaannya (*hirz*) dan mencatitkan salah satu rukun curi iaitu “mengambil dengan cara sembunyi-sembunyi”. Ia mencatitkan cara penjagaannya (*hirz*) kerana barang yang tidak berharga pada adat kebiasaannya tidak dijaga dalam *hirz* atau tidak dijaga sebagaimana dijaga barang yang mempunyai kepentingan. Manakala ia mencatitkan rukun curi iaitu “mengambil dengan cara sembunyi-sembunyi” pula kerana barang yang tidak berharga tidak diambil secara sembunyi-sembunyi. Semua ini mendatangkan *shubhah* dan oleh kerana itu tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan padanya. Mereka juga mengatakan bahawa sekalipun jenis harta yang cepat rosak yang tidak dapat disimpan lama dari setahun ke setahun seperti makanan basah, sayur-sayuran, buah-buahan segar dan seumpamanya boleh dimanfaatkan secara terus, tetapi barang-barang itu adalah dianggap sebagai harta yang tidak bernilai pada adat kebiasaannya kerana sifatnya yang tidak dapat disimpan lama dan kekurangan kepentingannya kepada manusia. Maka oleh itu ia juga dianggap tidak berharga (*tafiyah*). (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 285 & 289).

Menurut Mazhab Shafi‘e pula hukuman *hadd* potong tangan dikenakan jika harta yang dicuri adalah harta yang mempunyai nilai sama ada ia terdiri dari jenis harta yang pada hukum asalnya adalah harus seperti kayu, rumput, batu kerikil dan sebagainya atau dari jenis harta yang cepat rosak seperti makanan basah, buah-buahan, sayur-sayuran dan sebagainya. (al-Mawardiyy, 1414H/1994, jzk. 13, hlm. 274-276; al-‘Imraniyy, 1421H/2000, jld. 12, hlm. 438-439 & al-Shirbiniyy, 1421H/2000, jzk. 5, hlm. 471).

al-‘Imraniyy *rahimahullah* menyebut di dalam al-Bayan, yang ertinya: “Dan wajib dikenakan hukuman *hadd* potong tangan mencuri setiap apa yang mempunyai nilai apabila nilainya sampai *nisab* sama ada pada asalnya (harta yang dicuri itu) adalah harus seperti binatang buruan (liar), burung-burung (liar), kayu, rumput, batu kerikil, minyak tanah atau selainnya”. (al-‘Imraniyy, 1421H/2000, jld. 12, hlm. 440).

al-Mawardi *rahimahullah* pula berkata di dalam al-Hawi al-Kabir, yang ertinya: “Hukuman *hadd* potong tangan adalah wajib pada (mencuri) semua harta sama ada ia terdiri daripada yang cepat rosak seperti makanan basah atau pun yang tidak cepat rosak”. (al-Mawardiyy, 1414H/1994, jzk. 13, hlm. 274).

Pendapat mazhab Shafi‘e ini juga adalah sebagaimana pendapat dalam mazhab Maliki dan mazhab Hanbali. (Malik ibn Anas, t.th., jld. 6, hlm. 277; al-Bajjiyy, 1332H, jzk. 7, hlm. 157 &

al-Dusuqiyy, t.th., jzk 4, hlm. 334; Ibn Qudamah, 1418H/1997, jzk. 5, hlm. 350; al-Bahutiyy, 1421H/2000, jzk 6, hlm. 233-234 & Ibn Muflih, 1418H/1997, jzk. 7, hlm. 430-431).

al-Bajiiyy *rahimahullah* menyebut di dalam *al-Muntaqa Sharh Muwatta'*, yang ertinya: “Dan dikenakan hukuman *hadd* potong tangan pada tiap-tiap sesuatu sekalipun air apabila ia dijaga (dalam *hirz*) untuk berwudhu, minum atau selainnya. Begitu juga kayu api, rumput makanan binatang ternakan, jerami, bunga mawar, bunga melati, buah delima dan arang apabila nilainya tiga dirham dan ia dicuri daripada *hirznya*”. (al-Bajiiyy, 1332H, jzk. 7, hlm. 157).

Manakala Ibn Qudamah *rahimahullah* pula menyebutkan di dalam al-Kafi, yang ertinya: “Dan apa yang boleh merosakkannya oleh masa yang panjang seperti buah-buahan, makanan-makanan yang basah serta apa yang pada asalnya adalah harus (dimiliki) seperti binatang-binatang buruan, tembikar daripada tanah, batu jubin dan kayu kayan, oleh kerana ia adalah harta yang dianggap mempunyai nilai pada adat kebiasaannya maka wajib dikenakan hukuman *hadd* potong tangan pada mencurinya seperti barang-barang yang berharga”. (Ibn Qudamah, 1418H/1997, jzk. 5, hlm. 350).

Pandangan mazhab Shafi'e, mazhab Maliki dan mazhab Hanbali dalam persoalan ini adalah lebih utama berbanding dengan pandangan mazhab Hanafi kerana benda-benda yang tersebut sememang mempunyai nilai sebagai harta yang dijaga dan dipelihara oleh manusia menurut syarak. Oleh itu adalah wajar hukuman *hadd* potong tangan dikenakan jika ia dicuri dari jagaan dan simpanan manusia dalam *hirz* dan nilainya sampai kepada *nisab*.

Adapun kedudukannya sebagai jenis harta yang tidak berharga atau tidak bernilai (*tafiḥ*) tidak menghilangkan nilainya sebagai harta, kerana ianya dilihat sebagai tidak berharga atau tidak bernilai (*tafiḥ*) dalam konteks apabila kuantitinya hanya satu yang seakan-akan tidak mempunyai nilai atau harga. Tetapi kedudukannya adalah berbeza jika ia dicuri dalam kuantiti yang banyak sehingga nilainya mencapai *nisab*. Persoalan ia sebagai harta yang tidak berharga atau tidak bernilai (*tafiḥ*) tidak timbul kerana yang dilihat adalah nilai *nisab* yang dicuri.

Begitu juga kedudukannya sebagai jenis harta yang cepat rosak tidak meletakkan ia sebagai harta yang tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan apabila ia dicuri dan syarat-syarat *hirz* dan *nisab* telah terpenuhi, kerana tidak dinafikan bahawa harta yang cepat rosak adakalanya lebih bernilai dan tinggi harganya dari harta yang tidak cepat rosak seumpama buah durian berbanding dengan beras.

Pendapat mazhab Shafi'e, mazhab Maliki dan mazhab Hanbali ini juga adalah pandangan yang dilihat lebih *rajih* oleh Dr. Wahbah al-Zuhailiyy *rahimahullah* berbanding dengan pendapat mazhab Hanafi. (al-Zuhailiyy, 1405H/1985, jzk. 6, hlm. 117).

Kesalahan *Sariqah* Yang Tidak Boleh Dikenakan Hukuman *Hadd* (Perenggan g)
PKHJS dalam bab 56 perenggan (g) memperuntukkan bahawa hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan dalam keadaan berikut:

“(g) apabila kesalahan mencuri itu dilakukan oleh pemberi hutang ke atas harta orang yang berhutang dengannya yang enggan membayar hutang itu: Dengan syarat bahawa nilai harta yang dicuri itu tidak melebihi jumlah hutang, atau nilai harta tersebut melebihi jumlah hutang tetapi tidak melebihi *nisab*.”

Peruntukan ini adalah berdasarkan pendapat mazhab Maliki kerana dalam mazhab Maliki, tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atas pemiutang yang mencuri harta orang yang berhutang dengannya yang enggan membayar hutang atau yang melambat-lambatkan pembayaran hutang setelah sampai tempoh sama ada jenis harta yang dicurinya itu adalah sejenis harta yang dihutangkan atau pun tidak dengan syarat kadar jumlah yang dicurinya itu adalah kadar jumlah hutangnya dan jika melebihi kadar jumlah hutangnya, lebihan itu tidak melebihi kadar *nisab*.

Tetapi jika kadar jumlah yang dicurinya itu melebihi kadar jumlah hutangnya dan lebihan itu melebihi kadar *nisab*, maka dikenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atasnya. Begitu juga dikenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atas pemiutang yang mencuri harta orang yang berhutang dengannya sedangkan orang yang berhutang itu adalah bukan seorang yang enggan membayar hutang atau yang melambat-lambatkan pembayaran hutang setelah sampai tempoh sama ada jenis harta yang dicurinya itu adalah sejenis harta yang dihutangkan atau pun tidak dan sama ada kadar jumlah yang dicuri melebihi kadar jumlah hutangnya atau pun tidak. (al-Khurashiyy, 1317H, jzk. 8, hlm. 96; al-Dusuqiyy, t.th., jzk. 4, hlm. 337 & ‘Ulaish, t.th., jzk. 4, hlm. 526).

al-Dardir *rahimahullah* berkata di dalam al-Sharh al-Kabir ‘ala Mukhtasar al-Khalil, yang ertinya: “Dan tidak juga (dikenakan hukuman *hadd* potong tangan) jika seseorang yang mencuri kadar haknya atau melebihi haknya yang di bawah *nisab* daripada harta orang yang menahan haknya atau daripada harta orang yang melambat-lambatkan (menunaikan) haknya apabila sabit bahawa disisi orang itu ada harta miliknya dan dia enggan (membayarinya) atau melambat-lambatkan (bayaran) padanya”. (al-Dardir, t.th., jzk. 4, hlm. 337).

Mazhab Shafi‘e juga berpendapat bahawa tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atas pemiutang yang mencuri harta orang yang berhutang dengannya yang enggan membayar hutang atau yang melambat-lambatkan pembayaran hutang setelah sampai tempoh sama ada jenis harta yang dicurinya itu adalah sejenis harta yang dihutangkan atau pun tidak dan sekalipun kadar jumlah harta yang dicuri melebihi kadar jumlah hutang dan lebihan itu sampai ke kadar *nisab*. Ini bermakna mereka tidak mensyaratkan kadar jumlah harta yang dicurinya adalah kadar jumlah hutang atau jika melebihi kadar jumlah hutang, lebihan itu hendaklah tidak melebihi kadar *nisab* sebagaimana yang dipersyaratkan oleh mazhab Maliki.

Tetapi mereka mengenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atas pemiutang yang mencuri harta orang yang berhutang dengannya yang bukan seorang yang enggan membayar hutang atau yang melambat-lambatkan pembayaran hutang setelah sampai tempoh sama ada jenis harta yang dicurinya itu adalah sejenis harta yang dihutangkan atau pun tidak dan sama ada kadar jumlah yang dicuri melebihi kadar jumlah hutangnya atau pun tidak, kerana tidak timbul persoalan *shubhah* ketika itu sebagaimana pendapat mazhab Maliki dalam hal ini juga. (al-Mawardiyy, 1414H/1994, jzk. 13, hlm. 311; al-‘Imraniyy, 1421H/2000, jld. 12, hlm. 479, al-Shirbiniyy, 1421H/2000, jzk. 5, hlm. 471-472 & al-Ansariyy, t.th., jzk. 4, hlm. 140).

al-Shirbiniyy *rahimahullah* berkata di dalam Mughni al-Muhtaj, yang ertinya: “Dan kalau (seseorang) mencuri harta orang yang berhutang dengannya yang enggan (membayar) hutangnya yang sudah sampai tempoh atau (mencuri harta) orang yang melambat-lambatkan (pembayaran hutang) dan dia mengambilnya dengan niat mendapatkan haknya (maka) tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan (ke atasnya) kerana pada ketika itu dia dizinkan untuk mengambilnya dan jika tidak (sedemikian kedudukannya maka) dikenakan hukuman *hadd* potong tangan (ke atasnya). Dan harta yang bukan sejenis haknya seperti (kedudukan) harta

yang sejenis haknya pada sedemikian itu. Dan tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan kerana dia mengambil melebihi kadar haknya sekalipun lebihan itu sampai kepada *nisab* dan (sekalipun kedudukannya) terpisah, kerana apabila dia boleh untuk masuk dan mengambil (haknya) maka harta itu tidak lagi kekal tersimpan dalam *hirz*". (al-Shirbiniyy, 1421H/2000, jzk. 5, hlm. 471-472).

Mazhab Hanbali juga berpendapat bahawa tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atas pemiutang yang tidak berkuasa untuk mendapatkan haknya lalu dia mencuri harta orang yang berhutang dengannya sama ada jenis harta yang dicurinya itu adalah sejenis harta yang dihutangkan atau pun tidak, sekalipun kadar jumlah harta yang dicuri melebihi kadar jumlah hutang dan lebihan itu sampai ke kadar *nisab*, dengan syarat bagi harta yang melebihi kadar jumlah hutang yang sampai ke kadar *nisab* itu ianya diambil dari *hirz* (tempat penyimpanan) yang sama dimana harta hutangnya berada, kerana pencerobohan *hirz* oleh pemiutang untuk mendapatkan haknya menyebabkan wujudnya *shubhah* pada *hirz* kepada semua harta yang berada dalam *hirz* itu kerana ianya seolah-olah tidak mempunyai *hirz*. Jika harta yang melebihi kadar jumlah hutang yang sampai ke kadar *nisab* itu ianya diambil bukan dari *hirz* yang sama dimana harta hutangnya berada, maka dikenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atas pemiutang itu. Begitu juga dikenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atas pemiutang yang mencuri harta orang yang berhutang dengannya sedangkan orang yang berhutang itu adalah seorang yang patuh membayar hutang menurut tempohnya dan bukan seorang yang enggan membayar hutang sama ada jenis harta yang dicurinya itu adalah sejenis harta yang dihutangkan atau pun tidak dan sama ada kadar jumlah yang dicuri melebihi kadar jumlah hutangnya atau pun tidak, kerana tidak timbul persoalan *shubhah* dalam kes curi itu kerana tidak ada perkara yang menghalangnya untuk mendapatkan hak hutangnya sebagaimana juga pendapat mazhab Maliki dan mazhab Shafi'e dalam hal ini. (Ibn Qudamah, t.th., jzk. 10, hlm. 258; Ibn Qudamah, 1418H/1997, jzk. 5, hlm. 355-356 & al-Bahutiyy, 1421H/2000, jzk. 6, hlm. 252-253, 1423H/2003, jzk. 9, hlm. 3048).

Ibn Qudamah *rahimahullah* berkata di dalam al-Kafi, yang ertinya: "Dan tiada dikenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atas pemiutang (yang mencuri harta orang yang berhutang dengannya) apabila enggan orang yang berhutang itu (membayarnya) atau (orang yang berhutang itu) menegahnya (dari hutangnya) dan tidak berkuasa ia untuk mendapatkan hutangnya lalu dia mengambilnya (dengan cara mencuri) menurut kadar hutangnya. (Tetapi) jika orang yang berhutang itu adalah seorang yang membayar hutangnya (pada tempohnya maka) dikenakan hukuman *hadd* potong tangan (ke atasnya) kerana tiada persoalan *shubhah* dalam kes curi itu kerana pemiutang boleh sampai (ke hutangnya) untuk mengambilnya". (Ibn Qudamah, 1418H/1997, jzk. 5, hlm. 355-356).

Dalam mazhab Hanafi pula, tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atas pemiutang yang mencuri harta orang yang berhutang dengannya sama ada orang yang berhutang itu enggan membayar hutang atau pun tidak, sama ada ia adalah hutang yang telah sampai tempoh atau pun yang belum sampai tempoh dan sama ada kadar jumlah harta yang dicuri adalah kadar jumlah hutang atau pun kadar yang melebihi jumlah hutang, dengan syarat jenis harta yang dicuri itu adalah sejenis dengan harta yang dihutangkan. Tetapi jika harta yang dicuri bukan sejenis dengan harta yang dihutangkan seumpama hutangnya ialah dinar emas dan yang dicuri pula ialah barang-barang selain dinar emas, maka dikenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atas pemiutang, kerana dia tidak mempunyai kuasa untuk mengambil haknya melalui barang-barang selain dinar emas kecuali melalui jual beli yang memerlukan adanya saling reda meredai dalam pertukaran, melainkan pemiutang memberikan penafsiran bahawa apa yang dicurinya itu

hanyalah sebagai jaminan ke atas hutangnya, maka tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atasnya kerana wujudnya *shubhah* yang menolak hukuman *hadd* yang meletakkan semua harta termasuk dalam erti harta dalam konteks jenisnya. (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 297; Ibn al-Humam, 1315H, jzk. 4, hlm. 235-236 & Ibn ‘Abidin, 1423H/2003, jzk. 6, hlm. 157-158).

al-Marghinaniyy *rahimahullah* berkata di dalam al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi, yang ertinya: “Dan siapa baginya ke atas seseorang yang lain (hutang) beberapa dirham, lalu dia curi daripadanya sepertinya (kadarnya), tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan (ke atasnya) kerana dia (dikira) mengambil haknya. Dan (hutang) yang sampai tempoh dan (hutang) yang belum sampai tempoh adalah sama sahaja (kedudukannya berdasarkan dalil) *istihsan* kerana pemberian tempoh itu hanya bertujuan untuk melambatkan tuntutan. Dan begitu juga (tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan) apabila dia mencuri melebihi dari haknya kerana dengan adanya kadar haknya itu menjadikannya seumpama rakan kongsinya”. (al-Marghinaniyy, 1417H, jzk. 4, hlm. 235-236).

Peruntukan bab 56 perenggan (g) yang memakai pendapat mazhab Maliki adalah wajar dan sesuai menurut prinsip menghindarkan hukuman *hadd* apabila wujud unsur *shubhah* di dalam suatu jenayah yang dilakukan berdasarkan sabda Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh ‘A’ishah *radhiyallahu ‘anha*:

ادْرءُوا الْحُدُودَ عَنِ الْمُسْلِمِينَ مَا اسْتَطَعْتُمْ، فَإِنْ كَانَ لَهُ مَخْرَجٌ فَخَلُّوا سَبِيلَهُ، فَإِنَّ الْإِمَامَ أَنْ يُخْطِئَ فِي الْعَفْوِ خَيْرٌ مِنْ أَنْ يُخْطِئَ فِي الْعُقُوبَةِ.

Ertinya: “Kamu hindarkanlah (hukuman) hudud dari orang-orang muslimin seberapa yang kamu boleh. Jika ada baginya jalan keluar maka kamu berilah kebebasan jalannya. Sesungguhnya imam yang membuat kesilapan dalam memberi kemaafan adalah lebih baik daripada ia membuat kesilapan dalam menjatuhkan siksaan”. (al-Tirmidhiyy, 1382H/1962, no. 1424; al-Daraqutniyy, 1424H/2004, no. 3097; al-Hakim, 1417H/1997, no. 8243 & al-Baihaqiyy, 1414H/2003, no. 17057).

Ibn ‘Abbas *radhiyallahu ‘anhu* pula meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

ادْرءُوا الْحُدُودَ بِالشُّبُهَاتِ.

Ertinya: “Kamu hindarkanlah (hukuman) hudud (disebabkan oleh) dengan *shubuhah*”. (al-Harithiyy, 1429H/2008, no. 70 & al-Hindiyy, 1405H/1985, no. 12972).

Kesalahan *Sariqah* Yang Tidak Boleh Dikenakan Hukuman *Hadd* (Perenggan k)

Bab 56 perenggan (k) memperuntukkan bahawa hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan dalam keadaan berikut:

“(k) Apabila pesalah itu mengembalikan harta atau nilai harta yang dicuri itu sebelum hukuman *hadd* dilaksanakan.”

Dalam mazhab Hanafi berdasarkan pendapat Imam Abu Hanifah, Muhammad ibn al-Hasan dan salah satu riwayat daripada dua pendapat Abu Yusuf *rahimahumullah* menyebutkan bahawa pengembalian harta yang dicuri sebelum kes curi itu dibawa ke muka pengadilan merupakan salah satu perkara yang boleh menggugurkan hukuman *hadd* daripada dikenakan kepada pesalah, kerana mereka berpendapat bahawa adanya *khusumah* (pertikaian) daripada pemilik harta yang dicuri merupakan antara syarat yang perlu dipenuhi dalam kes curi. Bilamana harta yang dicuri dikembalikan kepada pemiliknya sebelum kes curi itu diangkat ke muka pengadilan, maka tiada *khusumah* (pertikaian) kes curi yang boleh diangkat oleh pemilik harta ke muka pengadilan. (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 355 & al-Zabidiyy, 1437H/2006, jzk. 2, hlm. 417-418).

al-Kasaniyy *rahimahullah* menyebut di dalam Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i', yang ertinya: “Dan antaranya (perkara yang menggugurkan hukuman *hadd*) ialah pencuri yang mengembalikan harta yang dicuri kepada pemilik harta sebelum diangkat ke muka pengadilan menurut pendapat keduanya (Imam Abu Hanifah dan Muhammad ibn al-Hasan *rahimahumallah*) dan salah satu pendapat daripada dua riwayat daripada Abu Yusuf. Dan diriwayatkan daripadanya (riwayat kedua daripada Abu Yusuf) bahawa ia tidak menggugurkan (hukuman *hadd*). Dan tidak ada perselisihan pendapat bahawa mengembalikan (harta yang dicuri) selepas (kes curi) di angkat ke muka pengadilan tidak akan menggugurkan hukuman *hadd*”. (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 355).

Mazhab Maliki dan salah satu riwayat daripada pendapat Abu Yusuf *rahimahullah* pula menyebutkan bahawa pesalah yang mengembalikan harta curi kepada pemiliknya sebelum kes curi itu diangkat ke muka pengadilan tidak mempunyai apa-apa kesan yang boleh menggugurkan hukuman *hadd* daripada dikenakan ke atas pesalah, kerana dengan wujudnya jenayah curi itu ia mengikat hukuman *hadd* untuk dikenakan ke atas pencuri. Maka mengembalikan harta yang dicuri selepas berlakunya jenayah curi tidak mencatatkan kedudukan jenayah curi yang telah dilakukan untuk dikenakan hukuman *hadd* sebagaimana kedudukan pengembalian harta curi kepada pemiliknya setelah kes curi itu dibawa ke muka pengadilan. (Malik ibn Anas, t.th., jld. 6, hlm. 289; al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 355 & al-Zabidiyy, 1437H/2006, jzk. 2, hlm. 417-418).

Imam Malik ibn Anas *rahimahullah* menyebut di dalam al-Mudawwanah al-Kubra, yang ertinya: “Apakah pandanganmu jika (seseorang) mencuri lalu tertangkap ia oleh pemilik-pemilik barang yang dicuri serta dia (si pencuri) mengembalikan kepada mereka barang-barang curian mereka serta mereka melepaskannya, kemudian ada suatu kaum yang lain atau mereka sendiri mengangkatnya ke penguasa (ke muka pengadilan) selepas (berlalu) dengan satu jangka masa sedangkan dia (si pencuri itu) telah mengembalikan barang curian? Dia (Imam ‘Abd al-Rahman ibn al-Qasim) berkata: “Dikenakan hukuman *hadd* potong tangan (ke atasnya)”. (Malik ibn Anas, t.th., jld. 6, hlm. 289).

Al-Kasaniyy pula menyebutkan pendapat Abu Yusuf *rahimahullah*, yang ertinya: “Sesungguhnya (jenayah) curi ketika ia berlaku (maka) termeterailah ikatan kewajipan untuk dikenakan hukuman *hadd* potong tangan (ke atas pencuri), lalu pengembalian harta curi selepas kejadian demikian tidak mencatatkan (jenayah) curi yang telah berlaku, maka tidak gugur hukuman *hadd* potong tangan yang wajib (ke atas jenayah curi) sebagaimana jika (pencuri) itu mengembalikannya (harta curi) selepas diangkat (kes curi itu ke muka pengadilan)”. (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 355).

Manakala dalam mazhab Shafi'e dan mazhab Hanbali pula mereka tidak ada dengan jelas menyebut persoalan tentang kedudukan pengembalian harta yang dicuri kepada pemiliknya sama ada ianya boleh menggugurkan pesalah daripada dikenakan hukuman *hadd* atau tidak. Mereka hanya ada menyebut bahawa untuk sesuatu keterangan *shahadah* atau pengakuan *iqrar* dalam kes curi diterima, mereka mempersyaratkan bahawa ia hendaklah didahului dengan adanya *khusumah* (pertikaian) yang dibuat oleh pemilik harta yang dicuri. Oleh yang demikian, menurut mereka hukuman *hadd* tidak boleh dikenakan sekalipun terdapat dua orang saksi yang memberi keterangan atau pesalah sendiri membuat pengakuan *iqrar* melakukan jenayah curi sehinggalah tampil pemilik harta yang dicuri membuat *khusumah* (pertikaian) kepada pesalah. (al-Shirbiniyy, 1421H/2000, jzk. 5, hlm. 492-493 & Ibn Qudamah, t.th., jzk. 10, hlm. 299-300). Dalam isu ini, Imam Abu Hanifah dan Muhammad ibn al-Hasan *rahimahumallah* juga berpendapat sedemikian dan alasan inilah yang menjadi asas kepada pendapat mereka yang mengatakan bahawa pengembalian harta yang dicuri sebelum kes curi itu diangkat ke muka pengadilan merupakan salah satu perkara yang boleh menggugurkan hukuman *hadd* daripada dikenakan kepada pesalah. (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 326 & 331).

al-Shirbiniyy *rahimahullah* menyebut dalam Mughni al-Muhtaj, yang ertinya: “Jika seseorang membuat pengakuan *iqrar* tanpa didahului dengan adanya dakwaan (pertikaian) ke atasnya bahawa dia telah mencuri harta si Zaid yang beliau itu ghaib (tidak hadir), dia (yang beriqrar itu) tidak akan terus dikenakan hukuman *hadd* potong tangan, bahkan ditunggu kehadiran dan tuntutan pemilik harta (Zaid) menurut pendapat *al-asahh*”. (al-Shirbiniyy, 1421H/2000, jzk. 5, hlm. 492).

Manakala al-Khiraqiyy *rahimahullah* pula di dalam Mukhtasarnya berkata, yang ertinya: “Dan tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan (ke atas pesalah) sekalipun dia membuat pengakuan atau ada keterangan mengenainya sehinggalah datang pemilik harta yang dicuri membuat dakwaan (*khusumah*) kepadanya”. (al-Khiraqiyy, 1413H/1993, hlm. 136).

Maka berdasarkan daripada apa yang telah disebutkan, peruntukan bab 56 perenggan (k) itu hanya boleh dikaitkan dengan pendapat mazhab Hanafi dari sudut persoalan adakah mengembalikan harta curi kepada tuan pemilik harta boleh menggugurkan hukuman *hadd* potong tangan?. Menurut peruntukan bab 56 perenggan (k), hukuman *hadd* tidak boleh dikenakan apabila harta yang dicuri itu dikembalikan oleh pesalah sebelum hukuman *hadd* dilaksanakan. Manakala menurut pendapat mazhab Hanafi pula hukuman *hadd* tidak dapat dikenakan apabila harta yang dicuri dikembalikan sebelum kes curi di angkat ke muka pengadilan. Ini bererti berdasarkan bab 56 perenggan (k), hukuman *hadd* tidak boleh dikenakan sekalipun harta yang dicuri itu dikembalikan oleh pesalah setelah kes curi itu diangkat ke muka pengadilan. Ini adalah bertentangan dengan pendapat mazhab Hanafi kerana jika harta yang dicuri itu dikembalikan kepada pemiliknya setelah kes curi diangkat ke muka pengadilan, tidak ada perbezaan pendapat dalam mazhab Hanafi bahawa hukuman *hadd* masih tetap boleh dikenakan kepada pesalah kerana pertikaian pemilik harta yang dicuri setelah kes curi diangkat ke muka pengadilan tidak disyaratkan ianya kekal berterusan di sepanjang proses pengadilan. (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 355).

al-Kasaniyy *rahimahullah* berkata di dalam Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i', yang ertinya: “Bahawa pertikaian (dari pemilik harta yang dicuri) adalah satu syarat bagi mengadakan kes curi yang wajib dikenakan hukuman *hadd* potong tangan, berdasarkan dari apa yang telah kami terangkan terdahulu. Dan tatkala harta curi dikembalikan kepada pemilik (sebelum kes curi diangkat ke muka pengadilan), maka terbatallah pertikaian (yang hendak

dibuat kerana harta yang dicuri telah ada di tangan pemilik), berbeza kedudukannya apakala (harta yang dicuri itu dikembalikan) selepas diangkat (ke muka pengadilan), kerana yang menjadi syarat ialah wujud pertikaian bukannya kekal pertikaian, dan telah wujud pertikaian (dibuat apabila sahaja kes diangkat ke muka pengadilan)". (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 355).

Persoalan yang timbul dari peruntukan bab 56 perenggan (k) ialah apakah sandaran yang menjadi asas bahawa perbuatan mengembalikan harta curi "setelah kes curi diangkat ke muka pengadilan" boleh dilihat sebagai suatu perkara yang boleh menggugurkan hukuman *hadd* daripada dikenakan ke atas pesalah? Adakah ia berdasarkan sebagai salah satu *shubhah* yang boleh menggugurkan hukuman *hadd* atau salah satu bentuk kemaafan yang boleh diberikan oleh pemilik harta?

Mazhab Hanafi yang merupakan mazhab yang ada dengan jelas membincangkan persoalan sama ada pesalah yang mengembalikan harta yang dicuri boleh menggugurkan hukuman *hadd* atau tidak, dengan terang mengatakan bahawa tidak ada perselisihan pendapat bahawa mengembalikan harta yang dicuri "setelah kes curi dibawa ke muka pengadilan" tidak menggugurkan hukuman *hadd* daripada dikenakan ke atas pesalah.

Mazhab Hanafi yang juga merupakan mazhab yang paling luas dalam membincangkan persoalan *shubhah* yang boleh menggugurkan hukuman *hadd*, tidak menyatakan bahawa persoalan pengembalian harta yang dicuri oleh pesalah kepada pemilik harta sebagai persoalan *shubhah*, sebaliknya ia adalah persoalan mengenai persyaratan perlunya ada *khusumah* (pertikaian) daripada pemilik harta untuk sesuatu keterangan *shahadah* atau pengakuan *iqrar* pesalah dalam kes curi. Persyaratan perlunya ada *khusumah* (pertikaian) inilah juga yang menjadi perbincangan ulama mazhab Shafi'e dan ulama mazhab Hanbali dan dari perbincangan mereka mengenainya juga boleh dikaitkan secara tidak langsung dengan persoalan kedudukan pesalah yang mengembalikan harta curi kepada pemiliknya.

Bahkan jika si pesalah mendapat kemaafan dari pemilik harta dengan mengembalikan harta curi sekalipun, hukuman *hadd* hanya boleh digugurkan terbatas apabila kes curi itu belum diangkat ke muka pengadilan. Tetapi jika kes curi itu telah diangkat ke muka pengadilan, maka tiada kemaafan yang boleh diberikan bagi menggugurkan hukuman *hadd* daripada dikenakan ke atas pesalah sebagaimana sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh 'Abd Allah ibn 'Amr ibn al-'As *radhiyallahu 'anhu*:

تَعَاَفُوا الْحُدُودَ فِيمَا بَيْنَكُمْ، فَمَا بَلَّغَنِي مِنْ حَدٍّ فَقَدْ وَجِبَ.

Ertinya: "Kamu maafkanlah perkara *hudud* yang berlaku di antara kamu (dengan tiada mengadukannya kepadaku), kerana apa yang telah sampai (aduanmu) kepadaku daripada perkara *hadd* maka sesungguhnya telah berkewajiban (ke atasku untuk melaksanakan hukumannya)". (al-Nasa'iyy, t.th., no. 4886; Abu Daud, t.th., no. 4376 & al-Daraqutniyy, 1424H/2004, no. 3196).

Persoalan juga timbul dari peruntukan bab 56 perenggan (k) ialah bahawa bukan hanya dengan mengembalikan harta yang dicuri sahaja boleh melepaskan si pesalah dari dikenakan hukuman *hadd*, bahkan dengan mengembalikan "nilai harta yang dicuri" pun boleh melepaskan si pesalah dari dikenakan hukuman *hadd*, sedangkan menurut mazhab Hanafi pesalah tidak boleh dikenakan hukuman *hadd* apabila pesalah mengembalikan harta yang dicuri sahaja dan tidak

termasuk pesalah yang mengembalikan “nilai harta yang dicuri” berdasarkan ianya tidak disebut dan boleh difahami daripada alasan mereka yang meyebut bahawa apabila harta yang dicuri telah dikembalikan kepada pemilik harta sebelum kes diangkat ke muka pengadilan, maka akan terbatalah *khusumah* (pertikaian) pemilik harta kepada pesalah kerana hartanya yang dicuri telah dikembalikan kepadanya. Tetapi ini berbeza jika yang dikembalikan itu hanyalah nilai harta yang dicuri, kerana pada teorinya pemilik harta yang dicuri masih boleh membuat *khusumah* (pertikaian) kepada pesalah kerana harta yang dicuri masih belum dikembalikan kepadanya.

Oleh yang demikian dua persoalan yang timbul dari dari peruntukan bab 56 perenggan (k) tersebut perlu dilihat semula agar ia tidak menjadi satu jalan keluar yang mudah kepada pesalah daripada dikenakan hukuman *hadd* dan agar hukuman *hadd* potong tangan yang ditetapkan oleh syarak ke atas pencuri itu tidak tergugat keberkesanannya dalam membendung jenayah curi di kalangan masyarakat sesuai dengan maksud pensyariatannya yang bertujuan sebagai balasan di atas jenayah curi yang dilakukan dan sebagai “*nakalan*” (pencegahan) daripada Allah.

Kesalahan *Sariqah* Yang Tidak Boleh Dikenakan Hukuman *Hadd* (Perenggan p)

PKHJS dalam bab 56 perenggan (p) memperuntukkan bahawa hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan dalam keadaan berikut:

“(p) apabila tangan kanan atau kiri pesalah tidak berfungsi, kudung atau terpotong.”

Antara perkara yang disepakati oleh para ahli fikah ialah adalah wajib dikenakan hukuman *hadd* potong tangan kanan apabila telah disabitkan ke atas seorang pesalah yang melakukan jenayah curi bagi kali pertama. Kesepakatan ini adalah tertakluk bahawa semua kedua anggota tangan dan kedua anggota kaki pesalah itu berfungsi dengan sempurna. Tetapi jika tangan kanan atau tangan kiri pesalah tidak berfungsi, kudung atau terpotong, maka para ulama berselisih pendapat dalam menetapkan hukumannya.

Perselisihan pendapat mereka itu pula boleh dibahagikan kepada dua persoalan iaitu pertama apabila tangan kanan pesalah itu tidak sempurna seperti lumpuh atau ada di antara jari-jari tangan kanannya yang hilang, adakah ia memadai untuk dikenakan hukuman *hadd* potong tangan? Kedua pula ialah apabila tangan kiri pesalah itu tidak sempurna seperti lumpuh atau ada di antara jari-jari tangan kirinya yang hilang, adakah tangan kanan pesalah boleh dikenakan hukuman *hadd* potong tangan?

Persoalan pertama iaitu apabila tangan kanan pesalah itu tidak sempurna seperti lumpuh atau ada di antara jari-jari tangan kanannya hilang, adakah ia memadai untuk dikenakan hukuman *hadd* potong tangan?

Dalam mazhab Hanafi, pesalah yang mempunyai tangan kanan yang tidak sempurna seumpama lumpuh atau tangan kanannya itu tidak mempunyai ibu jari atau hilang dua jarinya selain ibu jari, pesalah itu tetap dikenakan hukuman potong tangan kanannya itu berdasarkan keumuman ayat yang memerintahkan memotong tangan pencuri sama ada tangan kanannya itu sempurna atau pun tidak sempurna. Mereka mengatakan bahawa jika tangan kanan yang sempurna diwajibkan untuk dikenakan hukuman *hadd* potong tangan, maka tangan kanan yang tidak sempurna adalah lebih utama lagi untuk dikenakan hukuman *hadd* potong tangan. (al-Kasaniyy,

1424H/2003, jzk. 9, hlm. 351; al-Zaila'iy, 1315H, jzk. 3, hlm. 226 & Ibn 'Abidin, 1423H/2003, jzk. 6, hlm. 171-172).

al-Zaila'iy *rahimahullah* berkata di dalam Tabyin al-Haqa'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq, yang ertinya: “Jika tangan kanan (pencuri itu) lumpuh atau kurang jari-jarinya (nescaya) dikenakan hukuman *hadd* potong tangan (juga tangannya itu) menurut riwayat yang zahir kerana yang dikehendaki dengan nas (al-Qur'an) ialah memotong tangan kanan dan mengambil tempat tangan yang kurang (tidak sempurna) ketika tiada didapati (tangan) yang sempurna adalah harus”. (al-Zaila'iy, 1315H, jzk. 3, hlm. 226).

Mazhab Maliki pula mengatakan bahawa apabila tangan kanan pesalah itu lumpuh atau tiga jarinya kurang, maka berpindah hukuman *hadd* potong tangan kanannya itu kepada kakinya yang kiri. (al-Khurashiyy, 1317H, jzk. 8, hlm. 96; al-Dusuqiyy, t.th., jzk. 4, hlm. 332 & 'Ulaish, t.th., jzk. 4, hlm. 517).

al-Khurashiyy *rahimahullah* berkata di dalam Sharh al-Khurashiyy 'ala al-Mukhtasar al-Khalil, yang ertinya: “Apabila seseorang telah mencuri dan dia tidak mempunyai tangan kanan atau dia mempunyai tangan kanan yang lumpuh atau tangan kanan yang kurang kebanyakan jari-jarinya, maka berpindah hukuman (*hadd* potong tangan kanan) ke kaki yang kiri iaitu dikenakan hukuman *hadd* potong (kaki kiri). Dan ini adalah pendapat yang *mashhur* (dalam mazhab Maliki)”. (al-Khurashiyy, 1317H, jzk. 8, hlm. 92).

Mazhab Shafi'e pula mengatakan bahawa dikenakan hukuman *hadd* potong tangan kanan pesalah sekalipun tangannya itu tidak mempunyai sebarang jari atau terpotong sebahagian tapak tangannya atau tangan kanannya itu lumpuh dengan syarat darahnya akan berhenti mengalir apabila dipotong, kerana semua itu masih dinamakan tangan dan memotongnya juga menghasilkan maksud pencegahan, kesakitan dan tegahan. Jika menurut pakar bahawa memotong tangan kanannya yang lumpuh itu akan membawa kepada darahnya tidak akan berhenti mengalir yang boleh membawa kepada kematian, maka tidak dikenakan hukuman *hadd* potong pada tangannya yang lumpuh itu bahkan dikenakan hukuman *hadd* potong pada kaki kirinya. (al-Mawardiyy, 1414H/1994, jzk. 13, hlm. 320-321; al-'Imraniyy, 1421H/2000, jld. 12, hlm. 495; al-Shirbiniyy, 1421H/2000, jzk. 5, hlm. 494 & 496; Ibn Hajar, t.th., jzk. 9, hlm. 154 & 157 & al-Shirwaniyy, t.th., jzk. 9, hlm. 154).

al-'Imraniyy *rahimahullah* menyebut di dalam al-Bayan, yang ertinya: “Jika seseorang mencuri dan dia memiliki tapak tangan kanan yang tidak mempunyai jari-jari, dikenakan hukuman *hadd* potong tapak tangannya itu dan ia adalah pendapat *al-mazhab* kerana ada masih berbaki sebahagian tangan yang dikenakan hukuman *hadd* potong tangan dalam jenayah curi, maka tidak ia berpindah kepada anggota yang selepasnya (untuk dipotong) daripada (anggota) selepasnya manakala ia masih wujud sebagaimana jua kalau masih berbaki pada tapak tangannya ruas-ruas jari. Jika seseorang mencuri dan dia mempunyai tangan yang lumpuh, jika ahli pakar mengatakan: Tidak dibimbangi kebinasaannya akibat daripada pemotongannya (maka) dipotong (tangannya itu) dan tidak berpindah ia ke anggota yang selepasnya seperti tangan yang sehat. Jika mereka (ahli pakar) berkata: Dibimbangi kebinasaannya akibat dari pemotongannya (maka) tidak dipotong (tangannya itu) dan dipotong (pula) kakinya yang kiri kerana ia (dikira) seperti tidak ada (bertangan)”. (al-'Imraniyy, 1421H/2000, jld. 12, hlm. 495).

Dalam mazhab Hanbali pula mengatakan bahawa dikenakan hukuman *hadd* potong kaki kiri ke atas pesalah apabila tangan kanan pesalah itu lumpuh atau tiga daripada jari-jari tangan

kanannya itu terpotong kerana ia diumpamakan seperti tidak mempunyai tangan kerana kelumpuhannya dan hilang manfaat tangannya kerana ketiadaan tiga jarinya. Tetapi jika dua jarinya sahaja yang hilang iaitu jari kelingking dan jari manis atau satu jarinya hilang sekalipun ia ibu jari, maka tangan kanannya itu memadai dikenakan hukuman *hadd* potong tangan menurut pendapat yang *shahih* dalam mazhab. (al-Bahutiyy, 1421H/2000, jzk. 6, hlm. 259 & al-Mardawiyy, 1375H/1956, jzk. 10, hlm. 289-290).

Ibn Najjar *rahimahullah* berkata di dalam Muntaha al-Iradat, yang ertinya: “Dan (anggota tangan atau kaki) yang lumpuh sekalipun kebinasaan dirinya terjamin dengan memotongnya dan (anggota) yang sebahagian besar manfaatnya hilang adalah seperti (anggota) yang tidak ada (wujud), (tetapi tidak bagi anggota) yang hilang daripadanya jari kelingking dan jari manis atau satu jari selain keduanya sekalipun ia adalah ibu jari (maka ia tetap dikenakan hukuman *hadd* potong tangan anggota itu)”. (Ibn Najjar, 1421H/2000, jzk. 2, hlm. 303).

Persoalan kedua pula iaitu apabila tangan kiri pesalah tidak sempurna seperti lumpuh atau ada di antara jari-jari tangan kirinya yang hilang, adakah tangan kanan pesalah boleh dikenakan hukuman *hadd* potong tangan?

Dalam mazhab Hanafi untuk mengenakan hukuman *hadd* potong tangan kanan ke atas pesalah dipersyaratkan tangan kiri pesalah dalam keadaan sempurna iaitu tidak kudung, tidak lumpuh, tidak terpotong ibu jarinya atau tidak terpotong dua jarinya selain ibu jari serta dipersyaratkan juga kaki kanan pesalah tidak kudung, tidak lumpuh atau tidak timpang yang menghalangnya dari dapat berjalan dengannya. Jika tangan kiri pesalah itu kudung, lumpuh atau terpotong ibu jarinya atau terpotong dua jarinya selain ibu jarinya, maka tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atasnya kerana tujuan asal hukuman *hadd* potong tangan ialah bagi maksud menggerunkan bukannya membinasakan pesalah. Memotong tangan kanan pesalah sedangkan tangan kirinya tidak berfungsi adalah menghilangkan manfaat untuk memegang sama sekali dan ini akan membinasakan diri pesalah dari satu sudut. Tidak juga dipotong kakinya yang kiri sebagai ganti tidak memotong tangan kanannya kerana memotong kaki kirinya akan menghilangkan kesempurnaan bahagian badannya sebelah kiri dan ini dilihat akan membinasakan diri pesalah juga dari satu sudut yang lain. Begitu juga jika kaki kanan pesalah kudung, lumpuh atau timpang yang menghalangnya dari dapat berjalan dengannya, maka tidak dikenakan ke atasnya hukuman *hadd* potong tangan kanannya kerana memotong tangan kanan pesalah sedangkan kaki kanannya kudung, lumpuh atau timpang yang menghalangnya dari dapat berjalan dengannya akan menghilangkan kesempurnaan bahagian badannya sebelah kanan. Tidak juga dipotong kakinya yang kiri sebagai ganti kaki kanannya yang kudung, lumpuh atau timpang yang menghalangnya dari dapat berjalan dengannya kerana ini akan membuatnya sama sekali tidak mempunyai kaki maka ia menghilangkan manfaat untuk berjalan sama sekali. Maka tidak dikenakan hukuman *hadd* kepada pesalah sama sekali jika tangan kiri pesalah tidak sempurna seperti lumpuh atau tangan kirinya tidak mempunyai ibu jari atau hilang dua jarinya selain ibu jari. (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 351; al-Shalabiyy, 1315H, jzk. 3, hlm. 226 & Ibn ‘Abidin, 1423H/2003, jzk. 6, hlm. 172).

Berkata al-Kasaniyy *rahimahullah*, yang ertinya: “Jika tangan kiri (pesalah itu) terpotong atau lumpuh atau terpotong ibu jari atau terpotong dua jari selain ibu jari (maka) tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan kanan kerana hukuman *hadd* potong tangan dalam curi disyariatkan bagi tujuan menggerunkan bukannya membinasakan. Apabila tangan kiri pesalah tidak dapat dimanfaatkan maka memotong tangan kanan (pesalah itu) menjadikan berlakunya meluputkan satu jenis manfaat iaitu manfaat untuk memegang pada asalnya.

(Seterusnya) ia menjadikan berlakunya kebinaasaan diri dari satu sudut, maka tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan (ke atasnya). Dan tidak juga dikenakan hukuman *hadd* potong kakinya yang kiri kerana itu (bererti) menghilangkan kesempurnaan salah satu dari dua bahagian (badannya sebelah kiri), maka ia membinasakan diri daripada satu sudut. Begitu juga jika kakinya yang kanan terpotong atau lumpuh atau tempang yang tidak dapat ia berjalan dengannya (maka) tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan kanan kerana ini akan membuatnya terluput (manfaat) sebahagian badan (sebelah kanan). Dan tidak juga dipotong kakinya yang kiri sekalipun ia sempurna kerana ia akan meletakkannya tanpa mempunyai dua kaki, maka terluputlah satu jenis manfaat (manfaat berjalan)”. (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 351).

Mazhab Hanbali pula pada dasarnya sependapat dengan mazhab Hanafi yang mengatakan bahawa tidak dikenakan hukuman *hadd* kepada pesalah sama sekali jika tangan kiri pesalah tidak sempurna seperti lumpuh atau tiga daripada jari-jari tangan kirinya terpotong berbanding dalam mazhab Hanafi yang hanya mempersyaratkan ibu jari tangan kirinya atau dua jarinya selain ibu jarinya terpotong. (Ibn Qudamah, 1418H/1997, jzk. 5, hlm. 371-372 & al-Bahutiyy, 1421H/2000, jzk. 6, hlm. 258-259, 1423H/2003, jzk. 9, hlm. 3052-3053).

Ibn Qudamah *rahimahullah* berkata di dalam al-Kafi, yang ertinya: “Jika (seseorang) mencuri dan tangan kanannya sehat sempurna dan tangan kiri terpotong atau lumpuh, terdapat dua riwayat (hukum mengenainya). Jika kita telah mengatakan bahawa tangan kirinya dikenakan hukuman *hadd* potong tangan pada kali ketiga (dia mencuri) maka dikenakan hukuman *hadd* potong tangan kanannya itu disini, kerana ia mempunyai tangan kanan dan sebab pengenaan hukuman *hadd* potong tangan tersedia. Jika kita telah mengatakan (bahawa) tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atas tangan kirinya (jika dia mencuri bagi kali ketiga), maka tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan kanannya itu kerana memotong tangan kanannya itu (bererti) meluputkan manfaat jenis (tangan) dan meninggalkannya (menjadi) tidak mempunyai tangan (sama sekali) untuknya memegang (sesuatu)”. (Ibn Qudamah, 1418H/1997, jzk. 5, hlm. 355-356).

Manakala dalam mazhab Maliki dan mazhab Shafi‘e pula mengatakan bahawa dikenakan hukuman *hadd* potong tangan kanan pesalah sekalipun tangan kiri pesalah itu lumpuh atau ada di antara jari-jari tangan kirinya yang terpotong kerana menurut mereka tangan kiri boleh dikenakan hukuman *hadd* apabila pesalah melakukan jenayah curi secara berulang kali (pada kali ketiga). (al-Khurashiyy, 1317H, jzk. 8, hlm. 93; al-Mawardiyy, 1414H/1994, jzk. 13, hlm. 320 & al-‘Imraniyy, 1421H/2000, jld. 12, hlm. 495).

al-Khurashiyy *rahimahullah* berkata, yang ertinya: “Sesungguhnya seorang pencuri yang *mukallaf* sama ada ia muslim atau kafir, sama ada ia merdeka atau hamba, sama ada ia lelaki atau perempuan, apabila dia mencuri dan tangan kanannya sempurna, maka sesungguhnya (tangan kanannya) itu dikenakan hukuman *hadd* potong tangan dari pergelangannya secara *ijma‘* sekalipun dia seorang yang kidal”. (al-Khurashiyy, 1317H, jzk. 8, hlm. 93).

Manakala al-‘Imraniyy *rahimahullah* menyebut di dalam al-Bayan, yang ertinya: “Jika seseorang mencuri dan dia memiliki tangan kanan yang sempurna jari-jarinya dan dia mempunyai tangan kiri yang lumpuh atau tangan kiri yang kurang jari-jarinya atau dia tidak mempunyai tangan kiri sama sekali (maka) dikenakan hukuman *hadd* potong tangan kanannya”. (al-‘Imraniyy, 1421H/2000, jld. 12, hlm. 495).

Maka adalah jelas bahawa bab 56 perenggan (p) yang memperuntukkan bahawa jika tangan kiri pesalah tidak berfungsi, kudung atau terpotong maka hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan adalah bersesuaian dengan pendapat mazhab Hanafi atau pendapat mazhab Hanbali. Walau bagaimanapun bab 56 perenggan (p) yang memperuntukkan bahawa jika tangan kanan pesalah tidak berfungsi, kudung atau terpotong maka hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan adalah tidak bersesuaian dengan mana-mana pendapat dalam mazhab yang empat telah disebutkan.

Apa yang ada disebut oleh para fuqaha berhubung pencuri yang tidak dikenakan hukuman *hadd* sama sekali jika tangan kanan pesalah tidak berfungsi, kudung atau terpotong ialah dalam situasi bilamana tangan kanan pesalah yang tidak berfungsi, kudung atau terpotong itu terjadi atau berlaku setelah *khusumah* (pertikaian dibuat di muka pengadilan) menurut mazhab Hanafi atau setelah dia melakukan jenayah curi menurut mazhab Maliki, mazhab Shafi'e dan mazhab Hanbali.

Dalam mazhab Hanafi, seorang pesalah curi yang sempurna tangan kanannya ketika dia melakukan jenayah curi, kemudian tangan kanannya itu tidak berfungsi (lumpuh), kudung atau terpotong setelah *khusumah* (pertikaian dibuat di muka pengadilan), maka tidak dikenakan hukuman *hadd* ke atasnya sama sekali (tidak berpindah hukuman *hadd* potong tangan kanannya itu kepada hukuman *hadd* potong kaki kirinya) kerana tatkala *khusumah* (pertikaian dibuat di muka pengadilan), yang wajib dikenakan hukuman *hadd* itu ialah tangan kanannya dan bilamana tangan kanannya tidak berfungsi, kudung atau terpotong maka gugur kewajipan memotongnya. Tetapi jika tangan kanannya itu tidak tidak berfungsi (lumpuh), kudung atau terpotong sebelum *khusumah* (pertikaian dibuat di muka pengadilan), maka dikenakan hukuman *hadd* potong kaki kirinya sebagai peralihan dari sebab tangan kanannya yang tidak berfungsi (lumpuh), kudung atau terpotong. (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 353; al-Shalabiyy, 1315H, jzk. 3, hlm. 227 & Ibn 'Abidin, 1423H/2003, jzk. 6, hlm. 173.

al-Kasaniyy *rahimahullah* berkata di dalam Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i', yang ertinya: "Jika telah wajib ke atasnya (seorang pencuri) hukuman *hadd* potong tangan kanan dalam *sariqah* serta belum lagi (dijalankan) hukuman *hadd* potong tangan, sehingga ada seseorang yang memotong tangan kanannya itu, maka (hukumnya) tertakluk kepada dua senario iaitu sama ada ia berlaku sebelum *khusumah* (pertikaian dibuat di muka pengadilan) dan sama ada ia berlaku setelah *khusumah* (pertikaian dibuat di muka pengadilan). Jika ia berlaku sebelum *khusumah* (pertikaian dibuat di muka pengadilan), maka dikenakan hukuman *qisas* kepada si pemotong jika ia melakukannya dengan sengaja dan hukuman *arsh* jika ia melakukannya dengan kesilapan. Dan dikenakan hukuman *hadd* potong kaki kiri (pencuri) pada jenayah *sariqah* itu seperti kes seseorang yang mencuri sedang dia tidak mempunyai tangan kanan. (Manakala) jika ia berlaku selepas *khusumah* (pertikaian dibuat di muka pengadilan), jika ia berlaku sebelum diputuskan hukuman perbicaraan, maka begitulah juga jawab (hukumnya kepada si pemotong) kecuali di sini kita tidak mengenakan hukuman *hadd* potong kaki kiri (pencuri) kerana tatkala *khusumah* (pertikaian dibuat di muka pengadilan) yang wajib dikenakan hukuman *hadd* itu ialah tangan kanan dan telah luput (tangan kanannya), maka gugurlah kewajipan (hukuman *hadd* potong tangan itu) sebagaimana (kedudukan) orang yang hilang (tangannya) disebabkan oleh penyakit/musibah dari langit. Jika ia berlaku selepas diputuskan hukuman perbicaraan (yang mengenakan hukuman *hadd* potong tangan kanan pencuri), maka tidak ada ganti rugi ke atas orang yang memotong itu kerana ia dikira sebagai menjalankan *hadd* Allah *subhanahu wa ta'ala*". (al-Kasaniyy, 1424H/2003, jzk. 9, hlm. 353).

Dalam mazhab Maliki, mazhab Shafi'e dan mazhab Hanbali pula, seorang pencuri yang sempurna tangan kanannya ketika dia melakukan jenayah curi, kemudian tangan kanannya itu tidak berfungsi (lumpuh), kudung atau terpotong selepas dia melakukan jenayah curi sama ada ia berlaku sebelum atau selepas *khusumah* (pertikaian dibuat di muka pengadilan) ataupun sama ada ia berlaku sebelum atau selepas diputuskan hukuman perbicaraan, maka tidak dikenakan sebarang hukuman *hadd* ke atasnya sama sekali. Tetapi jika tangan kanannya itu tidak tidak berfungsi (lumpuh), kudung atau terpotong sebelum dia melakukan jenayah curi, maka kedudukan hukumannya adalah sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini. ('Ulaish, t.th., jzk. 4, hlm. 519; al-Qarafiyy, 1422H/2001, jzk. 9, hlm. 460; al-Shiradhiyy, 1417H/1996, jzk. 5, hlm. 445; al-'Imraniyy, 1421H/2000, jld. 12, hlm. 495; Ibn Hajar, t.th., jzk. 9, hlm. 157; al-Bahutiyy, 1421H/2000, jzk. 6, hlm. 258-259, 1423H/2003, jzk. 9, hlm. 3052 & al-Mardawiy, 1375H/1956, jzk. 10, hlm. 287.)

'Ulaish *rahimahullah* menyebutkan di dalam Manh al-Jalil 'ala Mukhtasar al-Khalil, yang ertinya: "Imam Malik *radiyallahu 'anhu* berkata: Jika hilang (fungsi) tangan kanan (pencuri) setelah ia melakukan jenayah curi dengan sebab urusan daripada Allah *Ta'ala* atau seorang asing telah sengaja (menghilangkan fungsi/memotong tangannya) maka tidak dikenakan apa-apa hukuman *hadd* potong (tangan atau kaki) daripadanya kerana hukuman *hadd* potong tangan itu adalah wajib padanya (iaitu tangan kanannya yang telah hilang fungsinya itu)". ('Ulaish, t.th., jzk. 4, hlm. 519).

Ibn Hajar al-Haitamiyy *rahimahullah* menyebut di dalam Tuhfah al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj, yang ertinya: "Jika (seseorang) mencuri lalu gugur (hilang) tangan kanannya disebabkan oleh penyakit atau kezaliman (yang dilakukan kepadanya) atau balasan *qawad (qisas)* atau lumpuh dan dibimbangi dari sebab pemotongannya darah tidak akan berhenti mengalir, (maka) gugur hukuman *hadd* potong tangan dan tidak (beralih) dikenakan hukuman *hadd* kepada kakinya kerana hak hukuman *hadd* telah berkaitan dengan tangan kanan itu sendiri, maka gugur (hukuman *hadd* potong tangannya itu) itu dengan binasanya (tangan kanannya itu)". (Ibn Hajar, t.th., jzk. 9, hlm. 157).

al-Bahutiyy *rahimahullah* menyebut di dalam Kashshaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna', yang ertinya: "Jika (seseorang) mencuri dan ia mempunyai tangan kanan lalu (kemudian) hilang (tangan kanannya itu) dalam (kes) *qisas* atau hilang (tangan kanannya itu) dengan sebab oleh satu penyakit atau hilang (tangan kanannya itu) dengan sebab penganiayaan (maka) gugur hukuman *hadd* (sama sekali) kerana terdapat keuzuran untuk melakukan hukuman *hadd* disebabkan binasa tempatnya (tangan yang hendak dipotong itu) sebagaimana kedudukan seseorang yang meninggal dunia yang ke atasnya dikenakan hukuman *qawad (qisas)* (yang belum dijalankan)". (al-Bahutiyy, 1423H/2003, jzk. 9, hlm. 3052).

Oleh yang demikian bab 55 perenggan (p) tersebut adalah boleh dan wajar disesuaikan peruntukannya menurut pandangan mazhab Hanbali. Jika berdasarkan mazhab Hanbali, peruntukan bab 54 perenggan (p) itu boleh disesuaikan antara lain seperti berikut: "apabila tangan kanan pesalah tidak berfungsi, kudung atau terpotong setelah melakukan *sariqah* atau apabila tangan kiri atau kaki kanan pesalah tidak berfungsi, kudung atau terpotong".

Kesimpulan

Jenayah *sariqah* dalam PKHJS yang mengandungi dua belas bab dikenalpasti mempunyai enam peruntukan di dalamnya yang mengguna pakai pendapat selain mazhab Shafi'e. Tiga daripadanya adalah berdasarkan pendapat mazhab Hanafi, satu daripadanya berdasarkan

pendapat mazhab Maliki dan dua selebihnya tidak berdasarkan kepada mana-mana pendapat dalam mazhab yang empat.

Pemakaian pendapat mazhab Hanafi dalam bab 54 yang memperuntukkan kadar *nisab* bagi *sariqah* yang dikenakan hukuman *hadd* ialah 1 dinar adalah wajar dan sesuai dengan keadaan semasa bersandarkan kepada peluasan pemakaian prinsip menghindarkan dari mengenakan hukuman *hadd* apabila wujud sebarang *shubhah*.

Pemakaian pendapat mazhab Hanafi atau mazhab Hanbali dalam bab 55 ceraian (1) perenggan (c) yang tidak memperuntukkan hukuman *sariqah* bagi kesalahan ketiga dipotong pada sendi pergelangan tangan kirinya dan bagi kesalahan keempat dipotong kaki kanannya sehingga ke buku lali sebagaimana pendapat mazhab Maliki dan mazhab Shafi'e, bahkan hanya memperuntukkan bagi kesalahan ketiga atau berikutnya dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun, adalah wajar juga bagi mengelakkan kebinasaan kepada si pencuri itu sendiri kerana dia akan kehilangan manfaat tangan untuk memegang dan kehilangan manfaat kaki untuk berjalan sama sekali yang akhirnya boleh membawanya kepada kebinasaan. Ini sama sekali adalah berlawanan dengan hikmah persyariatan hukuman *hadd* curi iaitu sebagai penegah dan penggerun kepada pelakunya dan bukannya membinasakan kepada pelakunya.

Pemakaian pendapat mazhab Hanafi dalam bab 56 perenggan (e) yang memperuntukkan bahawa hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan apabila harta yang dicuri adalah sejenis harta yang tidak bernilai dan boleh didapati dengan banyaknya di merata-rata tempat atau pun daripada jenis harta yang mudah musnah, mungkin boleh dinilai semula kerana pandangan mazhab Shafi'e, mazhab Maliki dan mazhab Hanbali dalam persoalan ini adalah lebih utama berbanding dengan pandangan mazhab Hanafi kerana benda-benda yang tersebut sememang mempunyai nilai sebagai harta yang dijaga dan dipelihara oleh manusia menurut syarak. Oleh itu adalah wajar hukuman *hadd* potong tangan dikenakan jika ia dicuri dari jagaan dan simpanan manusia dalam *hirz* dan nilainya sampai kepada *nisab*. Adapun kedudukannya sebagai jenis harta yang tidak berharga atau tidak bernilai (*tafiḥ*) tidak menghilangkan nilainya sebagai harta, kerana ianya dilihat sebagai tidak berharga atau tidak bernilai (*tafiḥ*) dalam konteks apabila kuantitinya hanya satu yang seakan-akan tidak mempunyai nilai atau harga. Tetapi kedudukannya adalah berbeza jika ia dicuri dalam kuantiti yang banyak sehingga nilainya mencapai *nisab*. Persoalan ia sebagai harta yang tidak berharga atau tidak bernilai (*tafiḥ*) tidak timbul kerana yang dilihat adalah nilai *nisab* yang dicuri. Begitu juga kedudukannya sebagai jenis harta yang cepat rosak tidak meletakkan ia sebagai harta yang tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan apabila ia dicuri dan syarat-syarat *hirz* dan *nisab* telah terpenuhi, kerana tidak dinafikan bahawa harta yang cepat rosak adakalanya lebih bernilai dan tinggi harganya dari harta yang tidak cepat rosak seumpama buah durian berbanding dengan beras.

Pemakaian pendapat mazhab Maliki dalam bab 56 perenggan (g) yang memperuntukkan bahawa hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan apabila kesalahan mencuri itu dilakukan oleh pemberi hutang ke atas harta orang yang berhutang dengannya yang enggan membayar hutang itu, dengan syarat bahawa nilai harta yang dicuri itu tidak melebihi jumlah hutang, atau nilai harta tersebut melebihi jumlah hutang tetapi tidak melebihi *nisab*, adalah wajar dan sesuai menurut prinsip menghindarkan hukuman *hadd* apabila wujud unsur *shubhah* di dalam jenayah yang dilakukan.

Adapun peruntukan bab 56 perenggan (k) yang memperuntukkan bahawa hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan apabila pesalah itu mengembalikan harta atau nilai harta yang dicuri itu sebelum hukuman *hadd* dilaksanakan, yang tidak memakai mana-mana pendapat dalam mazhab yang empat, adalah perlu dilihat semula agar ia tidak menjadi satu jalan keluar yang mudah kepada pesalah daripada dikenakan hukuman *hadd* dan agar hukuman *hadd* potong tangan yang ditetapkan oleh syarak ke atas pecuri tidak tergugat keberkesannya dalam membendung jenayah curi di kalangan masyarakat sesuai dengan maksud pensyariatannya yang bertujuan sebagai balasan di atas jenayah curi yang dilakukan dan sebagai “nakalan” (pencegahan) daripada Allah.

Manakala peruntukan bab 56 perenggan (p) yang memperuntukkan bahawa hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan apabila tangan kanan atau kiri pesalah tidak berfungsi, kudung atau terpotong, yang tidak memakai mana-mana pendapat dalam mazhab yang empat, adalah perlu dilihat semula dan wajar disesuaikan dengan pendapat mana-mana pendapat di dalam mazhab yang empat dan dalam peruntukan ini pendapat mazhab Hanbali adalah sesuai untuk dijadikan sebagai sandaran.

Rujukan

al-Qur'an al-Karim

Abu Daud, Sulaiman ibn al-Ash'ath al-Sijistaniyy al-Azdiyy. (t.th.) *Sunan Abi Daud*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.

al-Ansariyy, Abu Yahya Zakariyya al-Shafi'iyy. (t.th.). *Asna al-Matalib Sharh Rawd al-Talib*. t.tpt. t.pnbt.

Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1984 (Bn).

al-'Asqalaniyy, Ahmad ibn 'Ali ibn Hajar. (1421H/2001) *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhariyy*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.

al-Baihaqiyy, Abu Bakr Ahmad ibn al-Husain ibn 'Ali. (1424H/2003). *al-Sunan al-Kubra*. (Cetakan Ketiga). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Bahutiyy, Mansur ibn Yunus ibn Idris. (1421H/2000). *Sharh Muntaha al-Iradat Daqa'iq Uli al-Nuha li Sharh al-Muntaha*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah. (1423H/2003). *Kashshaf al-Qina' an Matn al-Iqna'*. Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub.

al-Bajiiyy, Abu al-Walid Sulaiman ibn Khalaf bin Sa'd ibn Ayyub ibn Warith al-Andalusiyy. (1332H). *al-Muntaqa Sharh Muwatta'*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Islamiyy.

al-Daraqutniyy, 'Ali ibn 'Umar. (1424H/2004). *Sunan al-Daraqutniyy*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

al-Dardir, Ahmad ibn Muhammad ibn Ahmad Hamid al-'Adawiyy al-Malikiyy al-Azhariyy. (t.th.). *al-Sharh al-Kabir 'ala Mukhtasar al-Khalil*. Kaherah: Dar 'Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.

Dokumen-Dokumen Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 2004 (Bn).

al-Dusuqiyy, Sham al-Din Muhammad 'Arfah al-Dusuqiyy. (t.th.). *Hashiyah al-Dusuqiyy 'ala al-Sharh al-Kabir*. Kaherah: Dar 'Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.

al-Hakim, Abu 'Abd Allah al-Naisaburiyy. (1417H/1997). *al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*. Kaherah: Dar al-Haramain.

al-Harithiyy, Abu Muhammad 'Abd Allah ibn Muhammad ibn Ya'qub ibn al-Harith. (1429H/2008). *Musnad Abi Hanifah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Hindiyy, 'Ala' al-Din 'Ali al-Muntaqiyy ibn Husam al-Din. (1405H/1985). *Kanz al-'Ummal fi Sunan al-Aqwal wa al-Af'al*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Ibn 'Abidin, Muhammad Amin. (1423H/2003). *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Ibn Hajar, Shihab al-Din Ahmad al-Haitamiyy al-Shafi'iy. (t.th.). *Tuhfah al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*. Mesir: Matba'ah Mustafa Muhammad.
- Ibn al-Humam, Kamal al-Din Muhammad ibn 'Abd al-Wahid al-Siwasiyy al-Sakandariyy al-Hanafiyy. (1315H). *Fath al-Qadir*. Mesir: Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah.
- Ibn Juzay, Abu al-Qasim Muhammad ibn Ahmad al-Kalbiyy al-Gharnatiyy al-Malikiyy. (t.th.). *al-Qawanin al-Fiqhiyyah*. t.tpt., t.pnbt., hlm. 537-538.
- Ibn Muflih, Abu Ishaq Burhan al-Din Ibrahim ibn Muhammad ibn 'Abd Allah ibn Muhammad al-Hanbaliyy. (1418H/1997M). *al-Mubdi' Sharh al-Muqni'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Najjar, Taqiyy al-Din Muhammad bin Ahmad al-Fatuhiyy al-Hanbaliyy. (1421H/2000). *Muntaha al-Iradat fi Jam' al-Muqni' ma'a al-Tanqih wa Ziyadat*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din Abu Muhammad 'Abd Allah ibn Ahmad ibn Muhammad. (t.th.). *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiyy. (1418H/1997). *al-Kafi*. Jizah: Dar Hajr.
- Ibn Rushd, Abu al-Walid Muhammad ibn Ahmad ibn Muhammad. (1415H). *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- al-'Imraniyy, Abu al-Husain Yahya ibn Abu al-Khair ibn Salim al-Shafi'iy al-Yamaniyy. (1421H/2000). *al-Bayan fi Madhhab al-Imam al-Shafi'iy*. Beirut: Dar al-Minhaj.
- al-Kasaniyy, 'Ala' al-Din Abu Bakr bin Mas'ud al-Hanafiyy. (1424H/2003). *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'*. (Cetakan Kedua). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Khiraqiyy, Abu al-Qasim 'Umar ibn al-Husain. (1413H/1993). *Matn al-Khiraqiyy*. Tanta: Dar al-Sahabah li al-Turath.
- al-Khurashiyy, Abu 'Abd Allah Muhammad. (1317H). *Sharh al-Khurashiyy 'ala al-Mukhtasar al-Khalil*. Mesir: Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah.
- Malik ibn Anas. (t.th.). *al-Mudawwanah al-Kubra*. Mesir: Matba'ah al-Sa'adah.
- al-Mardawiy, 'Ala' al-Din Abu al-Hasan 'Ali ibn Sulaiman. (1375H/1956). *al-Insaf fi Ma'rifah al-Rajih min al-Khilaf*. Mekah: t.pt.
- al-Marghinaniyy, Burhan al-Din Abu al-Hasan 'Ali ibn Abu Bakr. (1417H). *al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi*. Mesir: Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah.
- al-Mawardiyy, Abu al-Hasan 'Ali ibn Muhammad ibn Habib al-Basriyy. (1414H/1994). *al-Hawi al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Mawwaq, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Yusuf al-Gharnatiyy. (1416H/1995). *al-Taj wa al-Iklil li Mukhtasar Khalil*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nasa'iyy, Abu 'Abd al-Rahman Ahmad ibn Shu'aib ibn 'Ali. (t.th.). *Sunan al-Nasa'iyy*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- al-Nawawiyy, Muhy al-Din Abu Zakariya Yahya ibn Sharf. (1426H/2005). *Minhaj al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin*. Beirut: Dar al-Minhaj.
- Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah*, 2013 (Bn).
- al-Rahibaniyy, Mustafa al-Suyutiyy. (1381H/1961). *Matalib Uli al-Nuha fi Sharh Ghayah al-Muntaha*. Damsyik: Manshurat al-Maktab al-Islamiyy.
- al-Sarakhsiyy, Shams al-Din. (t.th.) *al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'arifah.
- al-Shalabiyy, Shihab al-Din Ahmad. (1315H). *Hashiyah Tabyin al-Haqa'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*. Mesir: Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah.
- al-Shiradhiyy, Abu Ishaq. (1417H/1996). *al-Muhadhdhab*. Beirut: al-Dar al-Shammiyyah.
- al-Shirbiniyy, Shams al-Din Muhammad ibn Muhammad al-Khatib. (1421H/2000). *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Shirwaniyy, 'Abd al-Hamid. (t.th.). *Hashiyah Tuhfah al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*. Mesir: Matba'ah Mustafa Muhammad.

- al-Tirmidhiyy, Abu 'Isa Muhammad ibn 'Isa ibn Surah. (1382H/1962). *Sunan al-Tirmidhiyy*.
Misr: Maktabah wa Matba'ah al-Babiyy al-Halabiyy.
- al-Qalyubiyy, Shihab al-Din Ahmad ibn Ahmad ibn Salamah. (1375H/1956). *Hashiyah al-Qalyubiyy*. Misr: Maktabah wa Matba'ah al-Babiyy al-Halabiyy.
- al-Qarafiyy, Shihab al-Din Abu al-'Abbas Ahmad ibn Idris ibn 'Abd al-Rahman al-Sanhajiyy al-Misriyy. (1422H/2001). *al-Dhakhirah fi Furu' al-Malikiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Ulaish, Muhammad ibn Ahmad ibn Muhammad al-Malikiyy al-'Ash'ariyy al-Shadhiliyy al-Azhariyy. (t.th.). *Manh al-Jalil 'ala Mukhtasar al-Khalil*. t.tpt. t.pnbt.
- al-Zabidiyy, Abu Bakr ibn 'Ali ibn Muhammad al-Harrar. (1437H/2006). *al-Jawharah al-Nayyirah Sharh Mukhtasar al-Quduriy*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Zaidan, 'Abd al-Karim Dr. (1413H/1993). *al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Zaila'iy, Jamal al-Din Abu Muhammad 'Abd Allah ibn Yusuf al-Hanafiyy. (1418H/1997M). *Nasb al-Rayah li Ahadith al-Hidayah*. Jeddah: Mu'assasah al-Rayyan.
- al-Zaila'iy, Fakhr al-Din 'Uthman ibn 'Ali al-Hanafiyy. (1315H). *Tabyin al-Haqa'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*. Mesir: Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah.
- al-Zuhailiyy, Wahbah Dr. (1405H/1985). *al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.